

RUMAH WARISAN SONYUM

Penulisan pertama Sesi Dec 2019
Hak cipta unit KAWANs

HAK CIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa bentuk atau dengan apa cara sekalipun, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan cara elektronik, gambar, rakaman, dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada unit KAWANs terlebih dahulu.

Pereka susunatur : EN IZWAN BIN ABDUL GHAAFAR

RUMAH WARISAN SONYUM Negeri Sembilan / Editor : NIK HASNIRA NIK PA | RUSLINDA ABDULLAH |
HASLINAWATI BINTI MD SAAD | MUHAMMAD AMIRUL BIN MUHAMAD FAUZI

Diterbitkan oleh :
Unit Kajian Alam Warisan Negeri Sembilan (KAWANs)
Jabatan Kejuruteraan Awam
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantai
71050 Si Rusa
Port Dickson
Negeri Sembilan
Malaysia

Tel : +606 - 6622042
Fax : +606 - 6622026

ABSTRAK

RUMAH WARISAN SONYUM merupakan bangunan seni bina warisan yang terletak di Kampung Parit, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan. Tujuan pemilihan rumah tradisional melayu ini adalah untuk menjalankan kajian Projek Lukisan Terukur Politeknik Port Dickson dengan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang rumah tersebut.

Objektif projek lukisan terukur ini dijalankan adalah untuk mewujudkan keselarasan dalam pengendalian projek lukisan terukur, Diploma Seni Bina di Politeknik Port Dickson serta menjelaskan proses kerja dan tanggungjawab pelaksanaan projek.

Metodologi yang digunakan adalah kerja menganalisa sejarah awal bangunan bagi mengukuhkan lagi maklumat. Di samping itu, sesi temu bual adalah cara yang telah digunakan dalam proses pengumpulan data/maklumat yang terperinci serta mendapatkan keterangan secara lisan daripada pewaris rumah mahupun ahli keluarga.

Antara alat-alat yang digunakan sepanjang pelaksanaan projek ini adalah pita pengukur, pembaris skala, kelengkapan alat tulis, digital kamera, tangga, komputer riba dan helaian kertas serta maklumat awal bagi bangunan yang dikaji. Segala peralatan tambahan digunakan untuk melengkapkan segala proses semasa membuat kerja.

Proses mendapatkan maklumat telah melalui pelbagai melalui pelbagai metodologi, kajian sejarah dan latar belakang serta maklumat daripada komuniti setempat. Sebagai contoh, nama asal-usul tapak kajian dan suku-suku yang terdapat pada kawasan kajian, sejarah rumah warisan termasuklah salah-silah keluarga bangunan kajian. Dari segi struktur pula, kayu seraya, penak dan resak banyak digunakan sebagai bahan utama dalam pembinaan rumah warisan.

Kajian yang dijalankan jelas menunjukkan rumah tersebut mempunyai nilai sejarah yang perlu dipelihara.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan sepenuh kesyukuran ke hadrat ilahi atas limpah kurnianya kami dapat menyelesaikan buku meja kopi lukisan terukur ini dengan jayanya sekali.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Hajah Siti Rabiah Binti Keheng kerana memberi kebenaran serta kerjasama kepada kami untuk menjayakan kajian rumah warisan Sonyum ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah kami yang sentiasa mendorong dan memberi tunjuk ajar kepada kami serta semangat yang jitu untuk melaksanakan projek akhir bagi DCA 6163 lukisan terukur ini.

ISI KANDUNGAN



01 KUALA PILAH

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah Kuala Pilah yang merupakan tapak lokasi Rumah Warisan Sonyum.

07 - 09



02 SEJARAH RUMAH WARISAN

Sejarah rumah warisan yang merangkumi asal-usul rumah, tahun dibina, usia salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini.

10 - 13



03 REKA BENTUK RUMAH WARISAN

Menerangkan tentang reka bentuk tradisional yang mempunyai nilai estetika serta rekabentuk yang bercirikan rumah tradisional warisan Negeri Sembilan.


14 - 17



04 RUANG DAN FUNGSI

Bahagian ini menerangkan tentang ruang serta fungsi di setiap bahagian rumah yang memiliki maksud serta kegunaan yang tersendiri.

18 - 23



05 ELEMEN DAN STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang elemen yang mempunyai corak dan gaya yang unik serta struktur yang digunakan untuk mengekalkan struktur rumah.

24 - 31



06 BUMBUNG DAN STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang struktur bumbung pada Rumah Warisan Sonyum yang memberi keunikan pada rumah tersebut.

32 - 35



07 KERAWANG DAN ORNAMENTASI

Kerawang dan ornamentasi pada rumah warisan ini mempunyai ciri-ciri yang unik kehalusan seni yang mempunyai maksud yang tersirat.

36 - 41



08 KESIMPULAN DAN RUJUKAN

32 - 43



KUALA PILAH

01

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah Kuala Pilah yang merupakan tapak lokasi Rumah Warisan Sonyum.

KUALA PILAH



Pelan Kunci

Kuala Pilah adalah salah satu daripada tujuh daerah yang terdapat di Negeri Sembilan, Malaysia. Ia merupakan daerah yang ketiga terbesar di Negeri Sembilan selepas Jempol dan Jelebu. Kuala Pilah terletak di tengah-tengah Negeri Sembilan dan dikelilingi oleh daerah Jelebu di utara, daerah Jempol di timur, daerah Rembau dan Tampin di selatan serta daerah Seremban di barat.



Gambar 1

Salah satu lokasi yang terdapat di daerah Kuala Pilah iaitu Kampung Parit Mungkal.

Di Kuala Pilah terdapat 250 kampung tradisional, 7 kampung baru dan 14 kampung orang asli. Keluasan Daerah Kuala Pilah ini ialah 1090km persegi. Statistik menganggarkan 6700 orang iaitu 6.10% dari keseluruhan penduduk di Negeri Sembilan (1,098,500). Penduduk daerah Kuala Pilah dianggarkan berjumlah 76,132 mengikut kiraan yang dijalankan oleh JKKK dan Pejabat Daerah Kuala Pilah. Kuala Pilah juga terdiri daripada 11 buah mukim iaitu Johol, Terachi, Langkap, Ulu Jempol, Kepis, Juasseh, Seri Menanti, Ulu Muar, Parit Tinggi, Pilah, Ampang Tinggi. Majoriti penduduk daerah Kuala Pilah ialah orang Melayu dan kebanyakan mereka tinggal di kampung tradisional, manakala orang Cina di taman perumahan di pekan dan orang India di estet dan ladang-ladang. Dalam sejarah terawal kerajaan Melayu tidak ada catatan dibuat mengenai asal-usul Kuala Pilah diperolehi. Terdapat juga ada pendapat mengatakan bahawa nama Kuala Pilah ini diperolehi daripada sebatang sungai bernama “sungai pilah” dan ada yang berpendapat perkataan “Pilah” berasal daripada perkataan “bilah buluh” kerana terdapat banyak pokok-pokok buluh yang tumbuh di kawasan itu.



Gambar 2

Pandangan halaman rumah warisan Sonyum



SEJARAH RUMAH WARISAN

02

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah Kuala Pilah yang merupakan tapak lokasi Rumah Warisan Sonyum.

RUMAH WARISAN SONYUM

Rumah Warisan Sonyum ini dibina pada tahun 1824 di Kampung Parit Mungkal, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Rumah Warisan ini diberikan nama Sonyum kerana pemilik asalnya adalah Sonyum sendiri. Usia rumah warisan ini adalah melebihi 100 tahun. Tukang rumah Sonyum ini adalah Tukang Kahar (tukang istana). Selain itu, mengikut kata Hajah Siti Rabiah (pewaris), Sonyum ini mempunyai empat adik beradik iaitu Sonyum (anak sulung), Chawa (anak kedua), Nyah (anak ketiga) dan Ujang (anak keempat). Mengikut katanya lagi, Sonyum sahaja tidak memiliki anak perempuan dan kerana itulah rumah ini telah diwariskan kepada Hajah Siti Rabiah. Ini kerana Nyah sahaja mempunyai anak perempuan dan mengikut adat Negeri Sembilan harta pusaka akan dijatuhkan kepada anak perempuan dan harta pesaka adalah lelaki.




Gambar 3
Hajah Siti Rabiah Binti Keheng (pewaris)

Menurut kata suaminya iaitu Haji Ibrahim, rumah Sonyum ini pernah dijadikan sebagai Istana kecil di kawasan kampung itu pada masa dahulu. Rumah Sonyum ini adalah Suku Mungkal. Dan rumah ini pernah dijadikan sebagai tempat kenduri kahwin dan tempat persinggahan pada ketika dahulu.

Katanya lagi, mengikut struktur rumah Sonyum ini pula, ruang Serambi dirumah ini mempunyai keistimewaan iaitu ruang itu tidak ditutup dan saiznya agak sedikit besar seperti rumah-rumah tradisional Negeri Sembilan dan rumah ini mempunyai 16 tiang dan kesemuanya adalah tiang pecah lapan. Selain itu, rumah Sonyum ini hanya memiliki tiga ruang sahaja iaitu Ruang Serambi, Ruang Ibu dan Ruang Bilik. Di samping itu juga, pada zaman dahulu, rumah ini menggunakan atap Rumbiah dan pada tahun 90an, bumbungnya telah ditukarkan kepada atap zink. Rumah Sonyum ini menggunakan kayu ponak (cengal dan merbau) iaitu pada tiangnya menggunakan kayu cengal, lantai dan dinding menggunakan kayu merbau. Ini kerana kayu-kayu ini tahan daripada dimakan serangga dan keras.

SALASILAH KELUARGA SONYUM



Carta organisasi ini menceritakan tentang salasilah keluarga.



REKA BENTUK RUMAH WARISAN

03

Menerangkan tentang reka bentuk tradisional yang mempunyai nilai estetika serta rekabentuk yang bercirikan rumah tradisional warisan Negeri Sembilan.

REKA BENTUK RUMAH WARISAN SONYUM

Reka bentuk rumah Warisan Sonyum ini mempunyai ciri-ciri rumah Negeri Sembilan. Hal ini jelas kerana dilihat daripada susunan ruang hingga ke bumbung rumah. Rumah ini mempunyai tiang pecah 8 dan kesemuanya menggunakan tiang pecah 8. Selain itu, rumah ini mempunyai susunan dan fungsi ruang iaitu ruang serambi, ruang ibu, dan ruang bilik. Pada bumbung pula dapat dilihat daripada segi bentuk bumbung yang mempunyai persamaan dengan rumah tradisional Negeri Sembilan.



Gambar 4
Pandangan halaman rumah warisan Sonyum



Gambar 5
Pandangan luar serambi rumah warisan Sonyum

Dari pandangan ini boleh nampak bahawa ruang serambi rumah Warisan Sonyum ini tidak mempunyai tingkap seperti rumah tradisional Negeri Sembilan. Ini kerana mengikut kata Hajah Siti Rabiah (Pewaris), pada zaman itu rumah seperti ini tidak menggunakan tingkap kerana untuk keselesaan tetamu apabila mengunjungi ke rumah Warisan Sonyum ini. Ruang serambi dibina memanjang iaitu secara mendatar kerangka ruang serambi adalah lebih kecil dalam susunan ruang rumah tradisional melayu.



Reka bentuk rumah Sonyum juga mempunyai bumbung yang sedikit lentik pada bahagian hujung bumbung yang mempunyai maksud tersendiri. Selain itu, bumbung rumah ini direka mempunyai dua kecerunan dan tebar layar yang lebar pada setiap bahagian penghujung struktur bumbung. Bentuk bumbung rumah Warisan Sonyum yang sedikit pendek berbanding rumah-rumah tradisional Negeri Sembilan dipengaruhi oleh susun atur ruang di dalam rumah.

Gambar 6
Pandangan sudut rumah warisan Sonyum

Mengikut umum tentang ruang Ibu pada rumah tradisional Negeri Sembilan, ruang ibu adalah ruang yang terluas dan antara struktur rumah yang lebih besar berbanding dengan struktur yang lain dan ruang ibu dibina dengan struktur yang tinggi dan mempunyai pelbagai fungsi. Tetapi ruang ibu di rumah Warisan Sonyum mempunyai ruang yang sedikit kecil berbanding dengan rumah tradisional Negeri Sembilan.

Reka bentuk rumah ibu ini juga direka mengikut keperluan keluarga dan semasa dengan bentuk yang seperti empat segi tepat ini diletakkan pada bahagian tengah rumah dan sebagai struktur yang menampung struktur lain.

Gambar 7
Pandangan dalaman di rumah ibu rumah warisan Sonyum






RUANG DAN FUNGSI

04

Bahagian ini menerangkan tentang ruang serta fungsi di setiap bahagian rumah yang memiliki maksud serta kegunaan yang tersendiri.

RUANG DAN FUNGSI

Di dalam setiap konsep seni bina sering memperkatakan tentang penyediaan ruang yang terdapat dalam sesuatu seni bina rumah. Ia turut meliputi bentuk dan saiz. Ruang dan fungsi mewujudkan pertalian yang erat dalam memahami cara hidup penghuni tersebut. Faktor – faktor seperti agama, adat, peribadi dan kehendak-kehendak sosial banyak mempengaruhi susun atur dan reka bentuk ruang dalaman. Kekurangan faktor-faktor ini akan menjejaskan bentuk, menjadikan rumah tersebut tidak seragam, tidak harmoni dan juga melemahkan nilai estetika bangunan secara keseluruhan. Setiap ruang mempunyai fungsi yang berbeza dan aktiviti. Seperti rumah-rumah Melayu tradisional Negeri Sembilan, kebiasaannya ia akan terbahagi kepada tiga zon di dalam rumah, iaitu zon hadapan yang dispesifikasikan kepada kaum lelaki manakala zon tengah adalah ruang utama dan zon belakang bagi kaum wanita untuk melakukan aktiviti memasak.



Gambar 8
Pelan lantai rumah warisan sonyum.

Ruang Serambi

Serambi merupakan ruang perantara dari ruang masuk ke rumah ibu. Serambi terdiri daripada tiga bahagian iaitu pangkal serambi, serambi tengah dan hujung serambi. Serambi digunakan sebagai tempat berkumpul bagi kaum lelaki dan aktiviti umum keluarga seperti majlis persandingan. Bahagian serambi yang berlainan hanya boleh diduduki oleh orang yang mempunyai status yang berbeza darjat sosial. Ketua adat (Buapak) akan duduk pada bahagian pangkal. Selain buapak, mereka akan duduk di hujung serambi. Apabila orang tua-tua duduk, sangat tidak manis dan tidak sopan seseorang lalu di hadapannya. Walaubagaimanapun, kesemuanya itu adalah secara umum yang diperkatakan oleh orang-orang ramai dan Rumah Warisan Sonyum tetap menggunakan cara yang sama seperti yang diperkatakan iaitu tempat berkumpul keluarga dan majlis-majlis. Menurut kata Siti Rabiah (Pewaris), pada tahun 90an, rumah warisan ini masih digunakan untuk majlis perkahwinan walaupun mereka telah menetap di rumah baru. Hal ini kerana, mereka mahu hidupan suasana rumah Warisan Sonyum itu. Tetapi, selepas itu mereka tidak lagi menggunakannya, ini kerana tangga rumah warisan telah roboh.




Gambar 9
Pandangan ruang serambi rumah warisan Sonyum



Gambar 10
Pandangan sisi rumah warisan Sonyum

RUANG DAN FUNGSI





Rumah Ibu

Mengikut sejarah rumah Melayu Tradisional Negeri Sembilan, rumah Ibu merupakan ruang privasi dan khusus untuk ahli keluarga sahaja. Zon tengah pula menempatkan ruang Ibu atau ruang keluarga. Faktor agama dan adat menyekat pergaulan bebas diantara lelaki dan wanita bukan muhrim ini telah membawa kepada susun atur ruang-ruang yang dikhususkan kepada kaum wanita dan ibu.

Di rumah Sonyum, kata pewarisnya iaitu Siti Rabiah, pada zaman dulu iaitu pada zaman rumah itu masih dalam keadaan baik, rumah Ibu ini sememang digunakan sebagai kawasan privasi dan khusus untuk ahli keluarga. Katanya lagi, ini kerana terdapat satu ruang di rumah Ibu iaitu bilik tidur yang diasingkan dengan menggunakan kain sahaja. Selain itu, ruang ini merupakan ruang yang paling besar berbanding ruang-ruang yang lain dengan ukurannya 2718 mm lebar dan 8803 mm panjang.

Ruang Bilik

Di rumah Sonyum ini, terdapat satu ruang di rumah Ibu iaitu ruang bilik. Dinding bilik itu hanya menggunakan kain sahaja. Ruang ini ditinggikan sedikit daripada rumah Ibu kerana untuk membezakan ruang bilik dan rumah Ibu. Kata Siti Rabiah (pewaris), ruang bilik ini dulu hanya untuk menukarkan pakaian bagi kaum lelaki kerana pada zaman itu rumah Sonyum ini hanya memiliki satu ruang untuk menukar pakaian bagi kaum lelaki dan ruang ini hanya kaum wanita atau ibu yang boleh tidur di ruang bilik itu.





ELEMEN DAN STRUKTUR

05

Bahagian ini menerangkan tentang elemen yang mempunyai corak dan gaya yang unik serta struktur yang digunakan untuk mengekalkan struktur rumah.

ELEMEN DAN STRUKTUR

Lantai



Gambar 13
Pandangan 3D lantai



Gambar 14
Pandangan bawah lantai rumah

Lantai adalah merupakan tapak binaan rumah dan menjadi sempadan di antara perenggan rumah. Menurut seni bina Melayu lantai diperbuat daripada papan atau buluh. Selain itu, Lantai tidak boleh berdiri dengan sendiri sekiranya tidak diperkuatkan oleh beberapa unsur lain seperti penyambut, rasuk dan rabung. Menurut kata anak kepada Hajah Siti Rabiah iaitu Encik Shamsudin, pada zaman dahulu, kebiasaannya orang-orang dahulu menggunakan lantai iaitu bilah-bilah batang pinang atau buluh. Tetapi selepas peredaran zaman, rumah-rumah Melayu tradisional menggunakan lantainya kepada papan yang dibelah dengan gergaji. Pada rumah Sonyum ini, lantai-lantai ini berukuran 84 mm ketebalannya dan 40 mm kelebarannya.

Dinding



Gambar 15
Pandangan dinding serong rumah Warisan Sonyum

Dinding-dinding pada rumah Warisan Sonyum ini diperbuat daripada jenis kayu-kayu keras iaitu kayu cengal. Keadaan dinding yang disusun tanpa menggunakan paku pada awalnya hanya menggunakan kepakaran para tukang pada masa dahulu. Dinding pada rumah Warisan Sonyum ini disusun secara menegak dan ada yang disusun secara serong iaitu pada atas dinding yang berada di bawah peran. Dinding di rumah Sonyum ini masih dalam keadaan baik dan masih kuat. Ini kerana kayu-kayu ini digunakan kayu yang keras dan ia dapat mengelakkan daripada serangan serangga. Tetapi terdapat dinding yang telah roboh iaitu pada rumah Ibu.

Gambar 16
Pandangan dinding di rumah Ibu



ELEMEN DAN STRUKTUR

Tiang


Mengikuti rumah-rumah tradisional Melayu pada zaman dahulu, setiap tiang rumah ditanam ke dalam tanah tetapi selepas peredaran zaman tiang-tiang rumah tidak menggunakan lagi tiang ditanam ke dalam tanah. Ini kerana tiang sudah diberi alas di penghujung kakinya iaitu diperbuat daripada bahan konkrit, batu sungai atau kayu. Merujuk kata Hajah Siti Rabiah (pewaris), tiang-tiang ini digunakan dengan menggunakan kayu merbau. Ini kerana kayu-kayu jenis kayu merbau ini adalah cukup keras dan stabil. Selain itu juga, kayu ini tahan daripada serangan serangga. Oleh kerana itulah tiang-tiang pada rumah Sonyum ini masih kuat walaupun sudah berusia lebih daripada 100 tahun, Rumah Sonyum ini tidak menggunakan kaedah pembinaan tiang di tanah ke dalam tanah sebaliknya hanya diletakkan ke atas tanah sahaja.



Gambar 17
Struktur tiang dengan kaedah tanggam dan pasak pada bahagian rumah Ibu.



Gambar 18
Struktur tiang dengan kaedah tanggam dan pasak dan dihias dengan tetupai pada bahagian Serambi



Gambar 19
Pandangan 3D tiang rumah Warisan Sonyum

ELEMEN DAN STRUKTUR

Tingkap

Pada bahagian ini akan menceritakan tentang kaedah dan elemen tingkap. Didapati dalam pembinaan rumah Melayu kebanyakan tingkap yang dibuat mempunyai paras ketinggian dan keluasan yang sama dengan pintu. Di bahagian tingkap, ia akan dipasangkan kekisi berukir bagi tujuan pengudaraan dan keselamatan. Selain itu juga, daun pintu tingkap akan dibuka ke arah luar rumah dan kebiasaannya setiap pintu tingkap akan mempunyai 2 daun sahaja. Pada bahagian rumah Ibu di rumah warisan Sonyum ini, menggunakan tingkap-tingkap kecil yang berukuran 923 mm pada ketinggiannyadan 1344 mm pada kelebarannya. Tingkap di rumah Warisan Sonyum ini masih dalam keadaan baik walaupun pada bahagian rumah Ibu tingkapnya hanya tinggal satu daun pintu sahaja. Bahan yang digunakan pada tingkap rumah ini adalah kayu keras iaitu kayu cengal.

Gambar 19

Kekisi terali biola yang berbentuk flora, berada di tingkap rumah Ibu.



Gambar 20

Pandangan luar tingkap yang mempunyai kekisi terali biola yang berbentuk flora, berada di tingkap rumah Ibu.





BUMBUNG DAN STRUKTUR


06

Bahagian ini menerangkan tentang struktur bumbung pada Rumah Warisan Sonyum yang memberi keunikan pada rumah tersebut.

BUMBUNG DAN STRUKTUR

Rekabentuk bumbung juga mengambil kira fungsi bangunan yang berkenaan. Bumbung Rumah Warisan Sonyum yang panjang ini mempunyai tebar layar untuk mengelakkan daripada cahaya matahari. Sebaliknya bumbung jenis ini dapat memberikan perlindungan daripada pelbagai unsur iklim dengan lebih baik tetapi kurang berkesan mengurangkan tekanan haba dan ruang bumbung ke bahagian dalaman. Pada asalnya bumbung rumah Sonyum ini menggunakan atap rumbiah. Struktur bumbung terdiri daripada kekuda yang diletakkan di atas setiap alang pendek dengan pelbagai jenis sambungan yang berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

Menurut kata pawaris rumah Sonyum ini, Hajah Siti Rabiah, kayu tunjuk langit yang terdapat di dalam Rumah Warisan Sonyum ini sentiasa menegak dan mengarah ke langit. Ia membawa maksud bahawa tunjuk kewujudan Yang Maha Esa. Dari aspek pembinaan pula, dipasang di atas tutup tiang pada kedua hujung perabung dan bahagian tengah dipasang di atas alang. Kayu ini dipasak dibahagian atas dan tengah supaya kayu tunjuk langit ini tidak bergerak atau jatuh.



Gambar 21
Tiang tunjuk langit yang berbentuk flora



Gambar 22
Pandangan luar struktur bumbung rumah warisan Sonyum



KERAWANG DAN ORNAMENTASI

07

Kerawang dan ornamentasi pada rumah warisan ini mempunyai ciri-ciri yang unik kehalusan seni yang mempunyai maksud tersirat.


KERAWANG DAN ORNAMENTASI

Pintu

Menurut rumah-rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan, pintu rumah dibina menghala ke arah matahari jatuh ataupun matahari naik. Hal ini diperkatakan kerana mengikut kepercayaan keberkatan daripada Allah S.W.T Pada zaman dahulu, rumah-rumah tradisional kebanyakannya menggunakan kaedah penyelak sebagai pengunci daun pintu rumah. vDi rumah Warisan Sonyum ini terdapat 2 buah pintu dan satu pintu yang unik dengan ukiran. Pintu utama adalah di bahagian ruang Serambi. Keunikan pintu rumah Sonyum ini mempunyai ukiran pada bahagian bingkainya dan dibahagian Tetapi menurut kata Hajah Siti Rabiah (Pewaris), pintu rumah ini telah lama dicuri dan menurut katanya lagi, pintu ini mempunyai ukiran yang bermotifkan ayat Seribu Dinar.



Gambar 23
Pandangan pintu utama rumah warisan Sonyum



Gambar 24
Perincian pada pintu utama iaitu pada bahagian atas




Gambar 25
Perincian pada pintu utama iaitu pada bahagian bawah




Gambar 26
Perincian ukiran tulisan jawi di atas pintu utamav

KERAWANG DAN ORNAMENTASI




Ruang Serambi


Di ruang Serambi rumah Sonyum ini, mempunyai beberapa ukiran-ukiran dengan pelbagai bentuk. Ia berada di kerawang-kerawang yang berada di ruang itu. Menurut kata Hajah Siti Rabiah (pewaris), keistimewaan di rumah Sonyum ini adalah ukirannya. Ini kerana, pada zaman dahulu, tukang-tukang dahulu suka mengukir apa sahaja didalam pemikiran mereka. Di halaman sebelah, terdapat beberapa ukiran kerawang pada ruang serambi itu.



Gambar 27
Keratan ruang serambi dan rumah ibu rumah warisan Sonyum



Gambar 28
Kerawang yang terdapat pada ruang serambi pada bahagian hujung serambi



Gambar 29
Kerawang yang terdapat pada hadapan pintu utama rumah warisan Sonyum



Gambar 30
Kerawang yang terdapat pada tengah serambi

KESIMPULAN

Dari sudut lain dapat disimpulkan bahawa latar belakang sejarah yang pelbagai telah memberi variasi dari segi jenis seni bina yang terdapat di kawasan kajian ini. Kehalusan senibina dan senihiasan yang terdapat di rumah Sonyum ini menunjukkan betapa pekanya manusia di zaman silam terhadap nilai-nilai estetika selain daripada mementingkan fungsi atau peranan bangunan yang dibina. Sukar bagi kita untuk memperolehi ciri-ciri sedemikian di dalam rekabentuk bangunan yang moden dan inilah sebanyak usaha yang perlu dibuat bagi memastikan pengenalan seni bina sebegini melalui usaha pemeliharaan agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Warisan ini tidak akan dapat diganti dan kehilangannya bererti kerugian kepada manusia seluruh dunia ini. Adalah menjadi tanggungjawab bersama bagi semua untuk memastikan kepentingan sejagat ini bebas dari bahaya dan ancaman kemusnahan dan keluputan. Sebagai generasi kini dan, kita haruslah menitikberatkan tentang warisan dan adat supaya di masa hadapan, generasi akan datang tahu erti sejarah dan warisan negara kita.

RUJUKAN

Wacanaseni.usm.my

www.academia.edu

binaanbangunan.wordpress.com

orang-orang kampung di kampung Parit Mungkal

Hajah Siti Rabiah Binti Keheng (pewaris) bersama anaknya
Encik Shamsudin Bin Haji Ibrahim, Rumah Warisan Sonyum